



AM > BERITA

SSM Tawar Permohonan Geran Penyelidikan Dan Pembangunan Hingga RM100,000

🕒 27/02/2026 10:31 AM

GERAN PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN SSM

Tujuan utama geran ini adalah untuk:

- Penambahbaikan dasar pengawalseliaan SSM;
- Meningkatkan tahap pematuhan dalam kalangan syarikat, perniagaan dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT);
- Memperkuhkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan SSM; dan
- Menggalakkan kerjasama antara akademia, sektor swasta dan SSM.

TEMPOH PENYELIDIKAN 1 - 12 BULAN	SILING PEMBIAYAAN RM100,000	TARIKH TUTUP PERMOHONAN 15 MAC 2026
--	---------------------------------------	---

KELAYAKAN PEMOHON

- Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA);
- Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS);
- Kementerian-Kementerian, agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun, GLC, GLC;
- Sektor swasta;
- Kolaborasi antara institusi dan kerjasama rentas sektor; dan
- Jemputan daripada SSM untuk melaksanakan penyelidikan.

IMBAS KOD QR

Sebarang pertanyaan, sila hubungi rndfund@ssm.com.my | Layari laman portal korporat SSM www.ssm.com.my

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menawarkan Geran Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dengan pembiayaan hingga RM100,000 bagi setiap projek dalam usaha memperkasakan penyelidikan berimpak tinggi dalam sektor perniagaan dan korporat negara.

Pelaksanaan geran itu selaras dengan Seksyen 17(f) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [Akta 614] yang menasarkankan penghasilan dapatan penyelidikan bagi menyokong penambahbaikan dasar dan rangka kerja pengawalseliaan, meningkatkan tahap pematuhan, memperkuhkan tadbir urus korporat serta mempertingkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan agensi itu.

Skop penyelidikan yang dibiayai melalui inisiatif berkenaan merangkumi tadbir urus korporat, pematuhan undang-undang, perakaunan dan audit, transformasi digital, keusahawanan serta kajian dasar berkaitan fungsi, peranan dan tanggungjawab SSM.

Penyelidik boleh mengemukakan kertas konsep berdasarkan fokus am dan fokus keutamaan.

Fokus am merangkumi tadbir urus korporat syarikat, perniagaan dan Perkongsian Liabiliti Terhad, amalan perakaunan, audit dan pelaporan kewangan serta kajian dasar bagi memperkukuh perundangan dalam bidang kuasa SSM.

Fokus keutamaan pula melibatkan pembangunan penyelesaian rintis berasaskan kecerdasan buatan (AI) bagi tujuan penguatkuasaan dan pematuhan, sokongan kepada intermediari korporat, juruaudit serta pengarah syarikat, selain kajian hubungan antara pematuhan undang-undang dan tadbir urus korporat dengan prestasi syarikat.

Tempoh pelaksanaan projek adalah antara satu hingga 12 bulan bergantung pada skop dan kebolehlaksanaan kajian, dengan projek dijangka bermula kira-kira suku tahun ketiga 2026 selepas kelulusan dan pemakluman rasmi oleh SSM.

Geran itu terbuka kepada institusi pengajian tinggi awam dan swasta, kementerian, agensi kerajaan, badan berkanun, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan serta sektor swasta.

SSM amat menggalakkan permohonan secara kolaboratif antara institusi akademik, sektor awam dan swasta bagi memastikan hasil penyelidikan lebih komprehensif, praktikal dan berimpak tinggi.

Penilaian permohonan akan dibuat berdasarkan tahap penajajaran dengan visi dan teras strategik SSM, kualiti metodologi yang dicadangkan, impak penyelidikan, keupayaan pasukan pelaksana serta justifikasi bajet.

Pelaksanaan penyelidikan di bawah geran ini hendaklah dijalankan secara beretika, berintegriti serta mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh SSM.

Maklumat lanjut dan borang permohonan boleh diakses melalui portal rasmi SSM melalui www.ssm.com.my, manakala permohonan lengkap perlu dihantar menerusi e-mel kepada Urus Setia Geran Penyelidikan dan Pembangunan SSM, iaitu rndfund@ssm.com.my.

-- BERNAMA